

11 OCT 2001

Abdullah-Pengganas

MALAYSIA TIDAK BERI PENILIAN TINGGI LAPORAN NEW YORK TIMES

KUALA LUMPUR, 11 Okt (Bernama) -- Kerajaan tidak memberi penilaian tinggi terhadap laporan akhbar New York Times yang mengatakan Malaysia merupakan salah sebuah negara Asia Tenggara yang menjadi pangkalan penganas dan penganas berkenaan mungkin menjadi sasaran tindakan Amerika Syarikat pada masa akan datang, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Beliau berkata ini ialah kerana laporan akhbar itu semalam cuma memetik kenyataan seorang pegawai.

"Kalau laporan itu dikeluarkan Jabatan Setiausaha Negara atau Jabatan Pertahanan Amerika Syarikat atau daripada Majlis Keselamatan, maka itu dianggap berat dan perlu diberi perhatian," katanya ketika menjawab soalan tambahan Datuk Mohd Sarit Yusoh pada persidangan Dewan Rakyat di sini.

Pegawai itu dipetik oleh New York Times sebagai berkata para penganas yang mempunyai hubungan dengan rangkaian Al-Qaeda pimpinan Osama bin Laden dan berpangkalan di Filipina, Indonesia dan Malaysia mungkin menjadi sasaran tindakan Amerika.

Osama dituduh oleh Amerika sebagai orang yang bertanggungjawab mendalangi serangan nekad terhadap menara berkembar World Trade Centre di New York dan bangunan Pentagon di Washington 11 Sept lepas yang mengorbankan lebih 6,000 nyawa.

Bagaimanapun, Abdullah berkata jika laporan itu benar, ini menunjukkan mereka tahu dan mempunyai maklumat mengenai negara ini dan mereka perlu memberitahu kepada Malaysia maklumat yang mereka ada.

"Mereka perlu menyatakan golongan mana terlibat, siapa terlibat, rakyat Malaysia ataupun warga asing yang berpangkalan di Malaysia untuk menjalankan keganasan.

"Ini supaya kita dapat membantu dan memberikan kerjasama untuk menumpaskan kegiatan penjenayah atau penganas ini," katanya.

Abdullah berkata pendirian Malaysia mengenai keganasan jelas dinyatakan bukan sahaja dalam media tetapi menerusi perbualan telefon antara Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan Presiden George W. Bush apabila Bush menelefon Dr Mahathir.

Beliau berkata pendirian ini jelas dan tak perlu diulang kembali kepada Amerika Syarikat.

Menurutnya kerjasama Malaysia selama inipun jelas dan mereka tahu mengenainya termasuk duta baru Amerika Syarikat ke Malaysia Marie Huhtala yang berterima kasih di atas kerjasama yang diberikan itu.

"Dengan ini, saya fikir Amerika perlu memahami kalau ada sesuatu yang tidak baik yang mereka anggap akan mengancam kepentingan mereka di sini ataupun kepentingan golongan lain atau mungkin kerajaan kita sendiri, maka saya harap mereka tidak akan teragak-agak untuk memaklumkan kepada kita.

"Ini supaya kita boleh sama-sama bertukar maklumat dan mengambil tindakan terhadap golongan penganas ini," katanya.

Terdahulu, Abdullah memberi penjelasan secara panjang lebar mengenai kegiatan golongan penganas di negara ini ketika menjawab soalan P.Komala Devi (BN-Kapar) dan 28 anggota lain.

Abdullah berkata selain ancaman komunis yang ditumpaskan, Malaysia juga menghadapi ancaman beberapa kumpulan militan yang ingin menumbangkan kerajaan secara kekerasan.

Beliau berkata sejak 1967, tidak kurang 10 gerakan sulit yang berjuang secara militan dan secara revolusi untuk mengambil alih tampuk pemerintahan

negara.

Antara grakan sulit itu ialah Tentera Sabilillah (1967), Kumpulan Rohaniah (1971), Angkatan Revolusi Islam (1974), Kumpulan Crypto (1977), Kumpulan Muhammad Nasir Ismail (1980), Kumpulan Jundullah (1987) dan Al Maunah (2000).

Bagaimanapun, katanya semua kumpulan itu telah dapat ditumpuskan dan mereka yang terlibat ditahan di bawah Akta Keselamatan dalam Negeri (ISA) dan peruntukan undang-undang jenayah sedia ada.

Abdullah juga memberi penjelasan mengenai Kumpulan Militan Malaysia (KMM), mereka yang terlibat serta kegiatan jenayah yang dilakukan oleh kumpulan itu yang boleh mengancam keselamatan negara.

Beliau berkata sehingga kini, 19 anggota KMM telah ditangkap termasuk seorang penduduk tetap warganegara Indonesia.

Daripada jumlah itu, 15 orang dikenakan pemulihan di bawah ISA, tiga didakwa di mahkamah manakala seorang meninggal dunia ketika dalam tahanan reman ekoran kecederaan parah semasa rompakan Southern Bank.

Abdullah berkata pihak polis juga sedang menyiasat tentang anggota lain kumpulan itu di samping meningkatkan penerangan kepada orang ramai mengenai kumpulan pelampau dan militan serta kegiatan mereka yang membahayakan keselamatan negara.

Mengenai pengeluaran kertas putih, Abdullah berkata kerajaan sedang mengkaji kesesuaian mengeluarkan kertas putih mengenai Kumpulan Al-Maunah, KMM dan peristiwa Kampung Medan.

"Bagaimanapun, masa sekarang kertas putih itu masih belum sesuai dikeluarkan memandangkan proses mahkamah masih berjalan ke atas pihak tertuduh dan dikhuatiri akan menjejaskan proses perbicaraan," katanya.

Abdullah juga menafikan dakwaan Ketua Pembangkang Datuk Fadzil Nor (PAS-Pendang) bahawa serang anggota KMM yang dibebaskan mengalami hilang ingatan akibat apa yang beliau dakwa seksaan ketika ditahan di bawah ISA.

Abdullah berkata kerajaan tidak mengizinkan sebarang perbuatan kejam dilakukan terhadap tahanan ISA.

--BERNAMA

AKT AKT NAK